

**AMALAN KESELAMATAN DI BENGKEL MEMBUAT PERABOT DALAM
MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV) DI KALANGAN PELAJAR
TINGKATAN 4 DI SEKOLAH –SEKOLAH MENENGAH NEGERI
JOHOR: SATU TINJAUAN**

ISMAIL BIN PANDIN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

**JUDUL: AMALAN KESELAMATAN DI BENGKEL MEMBUAT PERABOT
DALAM MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV) DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEKOLAH- SEKOLAH MENENGAH
NEGERI JOHOR: SATU TINJAUAN.**

SESI PENGAJIAN : 2007/2008

Saya

ISMAIL BIN PANDIN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (√)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap :
KPG.SATAP,
PETI SURAT 35.98157 BEKENU
MIRI, SARAWAK.

TH.HJ.ASNUL DAHAR BIN MINGHAT
NAMA PENYELIA

Tarikh : 25.08.08

Tarikh : 25.08.08

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”

Tandatangan  :.....

Nama Penyelia : ASNULL DALAR MINGHAT

Tarikh : 25 APRIL 2008

**AMALAN KESELAMATAN DI BENGKEL MEMBUAT PERABOT
DALAM MATA PELAJARAN VOKASIONAL (MPV) DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN 4 DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
NEGERI JOHOR: SATU TINJAUAN**

ISMAIL BIN PANDIN

Laporan Projek ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :
Nama Penulis : ISMAIL BIN PANDIN
Tarikh : APRIL 2008

DEDIKASI

Ya Allah! Ya Tuhan Ku! Aku memohon ilmu yang berguna, rezeki yang baik dan amalan yang dimakbulkan.

Untuk ayah dan ibu

Doa, jasa dan pengorbanan mu mengiringi kehidupan dan kejayaan ku

Terima kasih.

Buat isteri tersayang

Suriani Binti Zainal

Terima kasih atas kesabaran,

*Sokongan dan pengorbanan yang tidak ternilai dengan wang ringgit
sekalipun*

Anak

Mohd.Fitri

Fitriah Dania

Para pensyarah, guru-guru dan rakan taulan

*Hanya kepada ALLAH S.W.T daku berserah
Moga diberkati Nya, insan-insan yang menjadi nadi perjuangan ini*

Amin.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur alhamdulillah dengan limpah dan kurnia-Nya penyelidikan yang dijalankan ini dapat disiapkan sepenuhnya mengikut masa yang telah ditetapkan. Disetempatan ini, penyelidik ini merakamkan setinggi penghargaan kepada Tn. Haji Asnul Dahar bin Minghat selaku pensyarah pembimbing projek ini yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang berguna sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Penyelidik juga merakamkan jutaan terima kasih kepada guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah yang terlibat kerana sudi memberi kerjasama yang tidak terhingga bagi memastikan penyelidikan ini berjalan dengan lancar. Penghargaan juga ditujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam penyelidikan ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Penyelidikan juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan SPH yang turut membantu dalam menyiapkan projek ini dengan jayanya. Semoga Allah memberkati kalian semua.

Akhir kata, semoga Allah s.w.t melimpahkan rahmat ke atas semua mereka yang menyumbangkan kerjasama dalam menyiapkan Laporan Projek Sarjana Muda ini.

Sekian, terima kasih

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini adalah bertujuan meninjau sejauh manakah amalan keselamatan di bengkel membuat perabot dalam Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di kalangan pelajar tingkatan 4 di tiga buah sekolah menengah iaitu SMK. Taman Seri Perling, Johor Bahru, SMK. Bukit Gambir, Muar dan SMK. Datuk Menteri, Batu Pahat di negeri Johor. Responden dalam kajian ini seramai 60 orang. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah $\alpha = 0.65$. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 12.0* untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan kelima-lima persoalan berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.50 bagi kepentingan amalan keselamatan, nilai min 4.43 bagi persekitaran bengkel sentiasa selamat, nilai min 4.15 bagi mematuhi amalan keselamatan, nilai min 4.10 bagi kemahiran dalam menyenggara alatan tangan dan mesin seterusnya nilai min 3.98 bagi pengetahuan sedia ada pelajar. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dilakukan.

ABSTRACT

The purpose of this descriptive study is to survey how was the safety practice been carried out in workshop furniture making in Vocational Subject (MPV) among from 4 student at 3 secondary that are SMK. Taman Seri Perling, Johor Bahru, SMK. Bukit Gambir, Muar and SMK. Datuk Menteri, Batu Pahat in Johor. The respondent in this study is 60 students. Questionnaire set were used as instrument for this study. The reliability of the questionnaire items was $\alpha = 0.65$. Result of this study was analyzed using Statistical Package For Social Science (SPSS) version 12.0 software to acquire frequency, percentage and mean. Results showed that all the research questions achieved the high level with mean value 4.50 for importance of safety practice, 4.43 for environment of safety practice in workshop, 4.15 for safety practice, 4.43 for skill in servicing hand tool and machine and 3.98 for general knowledge of students. Several suggestions were presented to enable further studies.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PEMBIMBING	i
	JUDUL	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RINGKASAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
 BAB 1	 PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	1.5	Persoalan Kajian 9
	1.6	Kepentingan Kajian 9
	1.7	Skop Kajian 10
	1.8	Batasan Kajian 11
	1.9	Definisi Terminologi 11
	1.10	Penutup 14
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1	Pengenalan 15
	2.2	Amalan Keselamatan Di bengkel 18
	2.3	Mematuhi Amalan Keselamatan Di bengkel 20
	2.4	Pengetahuan Sedia Ada Dalam Penggunaan Alatan Tangan Dan Mesin 22
	2.5	Kemahiran Dalam Menyenggara Peralatan Tangan Dan Mesin 24
	2.6	Persekitaran Dan Tempat Kerja 25
	2.7	Penutup 28
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1	Pengenalan 29
	3.2	Reka Bentuk Kajian 29
	3.3	Sampel Kajian 30
	3.4	Instrumen Kajian 31
	3.5	Kajian Rintis 33
	3.5.1	Kesahan Soal Selidik 34
	3.5.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik 34

BAB	PERKARA	MUKA SURAT	
	3.6	Prosedur Kajian	35
	3.7	Analisis Data	36
	3.8	Penutup	38
BAB 4	ANALISIS DATA		
	4.1	Pengenalan	39
	4.2	Bahagian A: Latar Belakang Responden	40
	4.2.1	Jantina	40
	4.2.2	Bangsa	41
	4.2.3	Tempat Tinggal	41
	4.2.4	Minat	42
	4.2.5	Kecederaan	43
	4.3	Bahagian B: Analisis Persoalan Kajian	43
	4.3.1	Analisis Persoalan 1: Apakah pelajar-pelajar tahu kepentingan mengamalkan amalan keselamatan keselamatan di bengkel?	44
	4.3.2	Analisis Persoalan 2: Apakah pelajar-pelajar mematuhi amalan keselamatan di bengkel?	47

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	4.3.3 Analisis Persoalan 3: Apakah pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada dalam penggunaan peralatan tangan dan mesin?	51
	4.3.4 Analisis Persoalan 4: Apakah pelajar-pelajar mahir dalam menyenggara peralatan tangan dan mesin?	55
	4.3.5 Analisis Persoalan 5: Apakah keadaan persekitaran bengkel sentiasa selamat semasa kerja-kerja amali dijalankan?	58
	4.4 Rumusan Analisis Item Persoalan Kajian	62
	4.5 Penutup	63
 BAB 5	 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.1 Pengenalan	64
	5.2 Perbincangan Bahagian A	65
	5.3 Perbincangan Bahagian B	66
	5.3.1 Apakah pelajar-pelajar tahu kepentingan mengamalkan amalan keselamatan di bengkel?	67

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	5.3.2 Apakah pelajar-pelajar mematuhi amalan keselamatan di bengkel?	68
	5.3.3 Apakah pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada dalam penggunaan peralatan tangan dan mesin ?	70
	5.3.4 Apakah pelajar-pelajar mahir dalam menyenggara peralatan tangan dan mesin ?	72
	5.3.5 Apakah keadaan persekitaran bengkel sentiasa selamat semasa kerja-kerja amali dijalankan ?	73
5.4	Rumusan Kajian	75
5.5	Cadangan	77
	5.5.1 Sekolah	77
	5.5.2 Pelajar	78
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.7	Penutup	79
	BIBLIOGRAFI	81
	LAMPIRAN	86

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk	Muka surat
1.1	Senarai MPV yang ditawarkan di sekolah akademik harian biasa bermula tahun 2002	3
1.2	Statistik Kemalangan Industri Malaysia	7
3.1	Taburan item-item soalan berdasarkan objektif kajian	32
3.2	Taburan skor mengikut skala Likert	33
3.3	Perubahan skala lima mata kepada tiga mata	37
3.4	Tahap penilaian responden berdasarkan peratus	37
3.5	Tahap penilaian responden berdasarkan min	38
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	40
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	41
4.3	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	41
4.4	Taburan Responden Mengikut Minat Terhadap Kursus Yang Dipohon	42
4.5	Taburan Responden Mengikut Kecederaan Kecil Yang Pernah Dialami Semasa Melakukan Kerja-Kerja Amali Di dalam Bengkel	43
4.6	Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus Dan Min Bagi Kepentingan Mengamalkan Amalan Keselamatan Di bengkel	45
4.7	Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus Dan Min Bagi Mematuhi Amalan Keselamatan Di Bengkel	48
4.8	Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus Dan Min Bagi Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Dalam Penggunaan Peralatan Tangan Dan Mesin	52

No. Jadual	Tajuk	Muka Surat
4.9	Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus Dan Min Bagi Kemahiran Pelajar-Pelajar Dalam Menyenggara Peralatan Tangan Dan Mesin	56
4.10	Taburan Responden Mengikut Frekuensi, Peratus Dan Min Bagi Persekitaran Bengkel Sentiasa Selamat Semasa Kerja-Kerja Amali Dijalankan	59
4.11	Taburan Purata Min Dan Tahap Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan Kajian	62

SENARAI RINGKASAN

BIL	-	Bilangan
BPPDP	-	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MPV	-	Mata Pelajaran Vokasional
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Muka Surat
A	Borang Soal Selidik	86
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada BPPDP	92
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Jabatan Pelajaran Negeri Johor	94
D	Surat Akuan Pelajar	95
E	Pengesahan Soal Selidik	96

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Vokasional (MPV) mengandungi 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran yang ditawarkan di tingkatan 4 dan 5 secara berperingkat-peringkat di sekolah menengah akademik harian mulai tahun 2002. Penawaran berperingkat-peringkat 22 mata pelajaran kemahiran ini dalam empat fasa mulai tahun 2002 hingga 2005. Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui pengenalan mata pelajaran ini ialah untuk melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan di peringkat yang lebih tinggi. (Pusat Perkembangan Kurikulum, Julai 2007)

Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai objektif-objektif tersendiri untuk memperkenalkan mata pelajaran ini di sekolah-sekolah akademik harian. Di antara objektif-objektif tersebut ialah :-

- i. Memberi peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat dan bakat mereka.
- ii. Membekalkan kemahiran vokasional terutamanya kepada yang cenderung dalam ketukangan tangan.
- iii. Memperluaskan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah menengah akademik.
- iv. Sebagai persediaan awal bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara.

Untuk mencapai matlamat dan objektif tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan mata pelajaran vokasional sebanyak 22 mata pelajaran seperti yang disenaraikan pada jadual 1.1.

Jadual 1.1: Senarai MPV yang ditawarkan di sekolah akademik harian biasa bermula tahun 2002

<p>Pembinaan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendawaian Domestik - Kerja Paip Domestik - Kimpalan Arka dan Gas - Pembinaan Domestik 	<p>Teknotani</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tanaman Makanan - Akuakultur - Landskap
<p>Ekonomi Rumah Tangga</p> <ul style="list-style-type: none"> - Katering dan Penyediaan - Rekaan dan Jahitan Pakaian - Penjagaan Muka dan Dandanaran rambut - Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak - Hiasan Dalaman Asas - Perkhidmatan Penjagaan Geriatic - Pemprosesan Makanan 	<p>Aplikasi Komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> - Produksi Bahan komputer - Grafik Berkomputer
<p>Pembuatan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membuat Perabot - Seni Reka Tanda - Menservis Automotif - Mengetuk& Mengecat Automotif 	<ul style="list-style-type: none"> - Menservis Peralatan Elektrik Domestik - Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyaman Udara.

(Sumber : Kertas Kerja Perancang dan Pengurusan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Tahun 2002)

Di dalam MPV yang ditawarkan di sekolah, pelajar-pelajar diwajibkan menjalankan kerja-kerja amali dan kerja projek. Lapan waktu seminggu diperuntukkan untuknya dan separuh daripada waktu amali dijalankan selepas waktu sekolah. Pelajar wajib mengambil 6 mata pelajaran teras dalam persijilan terbuka SPM dan satu mata pelajaran vokasional sahaja yang ditawarkan, walaupun sekolah boleh menawarkan dua atau tiga mata pelajar vokasional, namun pihak sekolah mesti mengambil kira kemudahan dan alat kelengkapan sedia ada, keupayaan tenaga pengajar dan bilangan pelajar yang sesuai.

Melalui MPV, Kementerian Pelajaran Malaysia berharap sekurang-kurangnya satu pertiga daripada pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah akademik akan mengikuti kursus yang bercorak kemahiran menjelang tahun 2005. Mata pelajaran ini akan dinilai sama taraf dengan mata pelajaran lain dalam persijilan terbuka SPM. Walau bagaimanapun, penilaian adalah berdasarkan amali dan dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Semasa menjalankan kerja-kerja amali, pelajar-pelajar banyak menggunakan peralatan tangan dan juga mesin. Contohnya dalam amali membuat tiang lampu meja berlarik. Di antara alat-alat tangan yang digunakan dalam membuat amali ini seperti pita pengukur, penanda, tukul, pahat, alat pelubang dan sebagainya. Manakala mesin yang digunakan di antaranya seperti mesin memotong, mesin mengetam, mesin mengumai dan mesin melelas. Sekiranya langkah-langkah keselamatan diabaikan dalam kerja-kerja amali ini, ianya sudah pasti akan mendatangkan kemalangan kepada pelajar-pelajar. Dari sinilah timbul minat pihak penyelidik untuk membuat tinjauan sejauh manakah amalan keselamatan di bengkel membuat perabot dalam MPV di kalangan pelajar tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah negeri Johor.

1.2 Latar belakang masalah

Sesuatu kemalangan boleh berlaku di mana-mana, ia boleh berlaku pada bila-bila masa. Pada kebiasaannya kemalangan yang berlaku di sekolah kurang didedahkan kepada media massa dan kemalangan itu hanya di rekod dalam kemalangan sekolah. Misalnya, kemalangan yang berlaku di SMT. Kuala Kangsar pada tahun 1991, seorang pelajar automotif mengalami kecederaan yang serius di seluruh muka dan badannya akibat daripada kecuaiannya semasa menjalankan kerja amali di dalam bengkel automotif. (Buku rekod kemalangan SMT. Kuala Kangsar 1991). Kejadian tersebut berlaku ketika

pelajar tersebut sedang membaik pulih saluran pengalir haba (*radiator hos*) kereta, tiba-tiba saluran air tersebut pecah, air panas tersebut menyimbah tubuh pelajar berkenaan.

Manakala pada tahun (1995), di SMT. Kajang, di mana seorang pelajar sedang menguji kenderaan ketika melakukan kerja amali telah terhumban ke dalam longkang bersama kereta yang diujinya. (Buku rekod kemalangan SMT. Kajang,1995)

Satu lagi contoh yang dapat dinyatakan, kemalangan ini berlaku di SMT. Slim River pada tahun (1994). Ia melibatkan seorang pelajar Amalan Bengkel Mesin yang terpaksa dipotong hujung jari telunjuknya kerana hancur kerana terhempap sebatang besi. (Buku rekod SMT. Slim River,1994). Perkara sebegini tidak akan berlaku sekiranya pelajar lebih berwaspada dan mematuhi peraturan keselamatan bengkel (Abdul Basir, 2002). Peristiwa lain yang boleh dijadikan iktibar ialah, kemalangan ini berlaku pada seorang guru di SMT. Bukit Katil Melaka terkena renjatan elektrik semasa sedang membaiki kipas akibat dari suis yang dihidupkan oleh pelajarnya. (Utusan Malaysia, 7 April 2001)

Menurut Akta keselamatan dan Kesihatan Pekerja, 1994 (OSHA) bagi memastikan tindakan tidak selamat dapat dikawal, Akta ini menghendaki memeriksa beberapa kewajipan dan di antaranya :-

- a. Memberi perhatian yang munasabah semasa bekerja bagi keselamatan dan kesihatan diri dan orang lain.
- b. Bekerjasama dengan majikan atau orang lain dalam menunaikan apa-apa kewajipan di bawah Akta atau peraturan-peraturannya.

- c. Memakai atau menggunakan apa-apa kelengkapan atau pakaian pelindung diri yang disediakan.
- d. Mematuhi apa-apa arahan atau langkah keselamatan dan kesihatan pekerja yang dikehendaki oleh akta atau peraturan-peraturannya.

Pengerusi *National Institute Of Occupational Safety & Health* (NIOSH), Datuk Lee Lam Thye menyatakan “Kesedaran Keselamatan diri adalah kriteria utama untuk mengelak daripada berlakunya kemalangan di tempat kerja. Jika sikap ini diketepikan, kemalangan dan kecederaan di tempat kerja akan meningkat”. Menurutnya lagi berdasarkan laporan kemalangan yang dikeluarkan Pertubuhan Keselamatan Pekerja (PERKESO) sejak kebelakangan ini jumlah kemalangan perusahaan semakin menurun pada tahun 1995, jumlah kemalangan yang dilaporkan ialah 144,134 kes. Penurunan jumlah kemalangan menandakan wujudnya kesedaran keselamatan pekerja di negara ini. (Kementerian Sumber Manusia, 2001)

Statistik kemalangan industri yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) yang terlibat secara langsung dengan undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia ialah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dari tahun 1997 sehingga tahun 2002. Statistik Kemalangan Industri di Malaysia ditunjukkan pada jadual 1.2. (Ismail, 2002)

Jadual 1.2 : Statistik Kemalangan Industri di Malaysia

Perkara/Tahun	1997	1998	1999	2000	2001	Jun 2000
Jumlah kemalangan dilaporkan	3233	2546	2578	2292	3172	1561
Jumlah kemalangan maut	243	131	133	90	146	12
Jumlah kemalangan di siasat	1241	1193	1331	1171	1123	591

Statistik jadual 1.2 menunjukkan bahawa kemalangan industri atau bengkel adalah serius melihat daripada perangkan dalam jadual 1.2, ini jelas kepada kita bahawa jumlah kemalangan industri adalah amat tinggi. Jika dibiarkan perkara ini terus berlaku sudah pasti akan memberi kesan yang buruk kepada perkembangan dan pembangunan negara kita yang menuju wawasan 2020.

1.3 Penyataan masalah

Beberapa kemalangan yang melibatkan pelajar dan guru di beberapa Sekolah Menengah Teknik di Malaysia. Diantara kemalangannya seperti, kecederaan di seluruh muka dan badan, terhumban ke dalam longkang dan juga pelajar terpaksa dipotong hujung jari telunjuknya kerana terhempap sebatang besi serta seorang guru terkena renjatan elektrik semasa membaiki kipas. Peningkatan kemalangan industri juga amat tinggi dari tahun 1997 hingga 2002.

Oleh itu timbul rasa minta penyelidik untuk membuat kajian meninjau sejauh manakah pelajar-pelajar tingkatan 4 di bengkel membuat perabot di tiga buah sekolah menengah negeri Johor mengamalkan amalan keselamatan semasa membuat kerja-kerja amali di bengkel.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :-

- 1.4.1. Mengetahui sejauh manakah pelajar-pelajar tahu kepentingan amalan keselamatan di bengkel.
- 1.4.2. Mengetahui sejauh manakah pelajar-pelajar mematuhi amalan keselamatan di bengkel.
- 1.4.3. Mengetahui sejauh manakah pengetahuan sedia ada pelajar dalam penggunaan peralatan tangan dan mesin.
- 1.4.4. Mengetahui sejauh manakah kemahiran pelajar-pelajar dalam menyenggara peralatan tangan dan mesin.
- 1.4.5. Mengetahui aspek persekitaran bengkel mempengaruhi amalan keselamatan di bengkel.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang ingin dikaji merangkumi beberapa aspek iaitu:-

- 1.5.1 Apakah pelajar-pelajar tahu kepentingan mengamalkan amalan keselamatan di bengkel?
- 1.5.2 Apakah pelajar-pelajar mematuhi amalan keselamatan di bengkel?
- 1.5.3 Apakah pelajar-pelajar mempunyai pengetahuan sedia ada dalam penggunaan peralatan tangan dan mesin?
- 1.5.4 Apakah pelajar-pelajar mahir dalam menyenggara peralatan tangan dan mesin?
- 1.5.5 Apakah keadaan persekitaran bengkel sentiasa selamat semasa kerja-kerja amali dijalankan?